


Headline **JIWA GAMBAR**
 Date **17 Jul 2011**
 MediaTitle **Berita Minggu**
 Section **Supplement**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
 Page No **18**
 Article Size **818 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **21,527**
 PRValue **64,582**



JIWA GAMBAR

Komposisi hidupkan seni foto, impak visual menarik

KOMPOSISI dalam fotografi ibarat irama dan lagu, tanpanya gambar tidak mempunyai jiwa dan tidak hidup. Komposisi ialah bagaimana kita menggubah pelbagai elemen ke dalam gambar supaya ia menjadi 'karangan' seni foto yang cantik, menarik serta ada nilai estetika yang tinggi dan tersendiri.

Malah, komposisi dengan elemen yang digubah secara menarik akan melahirkan kesan visual yang mampu diterjemahkan dalam bentuk kata-kata oleh mereka orang yang melihatnya.

Elemen ini juga termasuklah dalam menggambarkan perbezaan bentuk, kedudukan, perbandingan subjek dengan persekitarannya, gambaran perbezaan kepadatan, ruang sempit dan ruang yang terbuka luas dan pelbagai kejadian alam yang boleh melambang-

kan 'mood' atau perasaan seseorang.

Contohnya, ramai yang memainkan elemen cahaya seperti gelap dan terang selain kontras warna sama ada pudar, menonjol atau lesu bagi menggambarkan sifat keceriaan, kemurungan, kesedihan, agresif, kedamaian, ketenangan dan sebagainya.

Begitupun, hanya mereka yang benar-benar kreatif saja yang biasanya menerapkan unsur atau elemen sedemikian ke dalam karya foto mereka untuk mencetuskan impak yang lebih menonjol kepada foto yang dihasilkan.

Biasanya kematangan seseorang jurugambar atau peminat seni foto dinilai daripada 'kekakapan' mereka menerapkan semua elemen ini dan ia sebenarnya mencerminkan kebolehan sebenar dan inilah faktor utama yang membezakan mereka dengan yang lain.

Corak yang dihasilkan daripada daun pokok kapur di FRIM yang tidak bersentuhan antara satu sama lain ini amat menarik bagaikan sebuah lukisan. Gambar Mustaffa Kamal

Info

Jom kongsi gambar!
 Sumbangan gambar pembaca amat dialu-alukan. Pilihan tema diminati seperti alam semula jadi, pemandangan matahari terbit atau tenggelam, tekstur, kesan cahaya, refleksi, keindahan seni bina atau seni reka, fotografi waktu malam, teknik fotografi seperti 'depth of field', 'close up' serta fotografi makro yang merakamkan tabiat serangga atau haiwan dan sebagainya. Gambar boleh diemil kepada noorazm@nstp.com.my atau bminggu@bharian.com.my

INFO

Antara elemen penting yang boleh digabungkan bagi menghasilkan gambar lebih menarik

1. Memasukkan unsur garisan
2. Memberi kesan tekstur
3. Kepentingan peranan cahaya atau pencahayaan (lighting)
4. Manfaatkan pattern (corak-corak)
5. Perbandingan horizon bagi memperjelaskan lagi cerita subjek
6. Menterjemah bentuk-bentuk yang ada
7. Menggunakan kaedah 'rule of third' (satu pertiga) bagi menceritakan sesuatu
8. Kesesuaian format melintang (horizontal) dan menegak (vertical)
9. Mencari satu sudut pandangan yang lebih ekstrem
10. Memberi pengaruh dan kesan warna agar lebih menonjol
11. Peranan framing (memidang) dengan efek latar hadapan dan belakang
12. Adanya objek tumpuan mata 'eye catching' yang menjadi tarikan
13. Perbandingan skala atau saiz bagi menceritakan keadaan lokasi landscape